

Mahathir yakin hubungan ekonomi Asean meningkat

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin mesyuarat Menteri-menteri Asean di Bangkok esok akan dapat meningkatkan hubungan ekonomi antara negara-negara Asean, terutama di bawah Peraturan Tarif Keutamaan.

Katanya, perkara ini akan dibincangkan secara lebih meluas dalam mesyuarat dua hari itu.

Bercakap kepada para pemberita sebelum perlepas menghadiri mesyuarat itu hari ini, beliau menegaskan, negara-negara Asean patut mengambil langkah bersama meningkatkan dagang dan memberi potongan cukai yang lebih banyak di masa depan.

"Kami juga akan membincangkan kemungkinan menambah jenis barangan yang boleh dimasukkan di bawah Peraturan Tarif Keutamaan," jelasnya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, mesyuarat Menteri-menteri Asean itu akan juga membincangkan projek-projek perindustrian yang akan dilaksanakan di bawah skim Projek Industri Asean.

Bellau berpendapat, skim tersebut patut diluaskan dengan memperkenalkan lebih banyak projek baru yang

dapat memberi faedah kepada Asean.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan berada dua hari di Bangkok. Turut sama ialah 10 orang pegawai kanan dari Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pertanian.

Berkesan

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, semasa di sana bellau akan mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Thal.

"Saya juga akan meninjau pendapat Kerajaan Thal mengenai

mengadakan kerjasama dua hala yang lebih berkesan dalam bidang industri," katanya.

Inilah pertama kali bellau melawat Thailand sejak bellau menjadi Menteri Kabinet pada tahun 1974.

"Oleh itu saya akan mengambil kesempatan ini untuk mememui pemimpin-pemimpin Kerajaan Thal."

Bellau juga akan berbincang mengenai jenis-jenis barangan yang dimasukkan dalam Tarif Keutamaan bagi mengkaji faedahnya kepada kedua negara.

"Kita akan menentukan sama ada menambah atau memotong jumlah barangan tersebut," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia